

## **AL-DHARĀ'I' DALAM IJTIHAD MENURUT AL-QARĀFIYY DAN AL-SHĀṬIBIYY: SATU ANALISIS**

### ***Al-Dhara'i' In Ijtihad According To Al-Qarāfiyy And Al-Shāṭibiyy: An Analysis***

**Mohd Nasir Abdul Majid\***

#### **ABSTRACT**

This article discusses the argument of al-dharā'i' in the ijtiḥad by the usul fiqh scholar, its characteristics, and essential elements in ijtiḥad sourced by sadd al-dharā'i'. The objective of this study is to explain the approach of ijtiḥad through sadd al-dharā'i' according to the views of al-Qarāfiyy and al-Shāṭibiyy. This study is a library research in nature that is evaluating the critical characteristics of al-dhara'i' and its arguments in legal sources based on sadd al-dharā'i'. By analyzing the position of al-dharā'i' through the discussion of the mujtahids, this study found that al-dharā'i' has certain characteristics and elements that are very specific and distinctive. A mujtahid or mufti needs to understand and be an expert in the process of ijtiḥad based on sadd al-dharā'i'. It strongly supports the texts of Shara' whether general or specific in explaining the hukm of prohibiting something. It is also appropriate to be used as a basis and source in determining a hukm to prevent mafsadah from happening to the Muslim community.

**Keywords:** *Al-Dharā'i'*; *Sadd Al-Dharā'i'*; Ijtihad; Fatwa.

---

\* Associate Prof., Faculty of Syariah and Law, Islamic Science University of Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. [nasirmajid08@usi.edu.my](mailto:nasirmajid08@usi.edu.my).

## PENDAHULUAN

Para ulama usul fiqh semasa membahaskan *sadd al-dharā'i'* sebagai salah satu kaedah serta cara untuk mengistinbat hukum, telah memberikan pandangan yang berbeza tentang konsepnya sehingga sebahagian mereka menolak penggunaannya dalam Syariat Islam. Justeru, untuk menghuraikan persoalan ini, artikel ini akan menumpukan kepada dua aspek penting. Aspek pertama adalah berkenaan dengan pengenalan kepada konsep asas *sadd al-dharā'i'*. Ia meliputi definisinya di sisi bahasa dan Istilah. Aspek kedua adalah berkenaan dengan ciri-ciri dan elemen asas bagi *al-dharā'i'* sebagai komponen penting dalam ijtihad yang bersumberkan *sadd al-dharā'i'*. Namun begitu, sebelum membincangkan aspek-aspek tersebut adalah dirasakan perlu dijelaskan dahulu tentang sumber-sumber hukum dalam Islam agar pemahaman tentang peranan serta kedudukan *sadd al-dharā'i'* dalam ijtihad<sup>1</sup> selepas ini akan lebih jelas lagi.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode kajian kepustakaan. Melalui kaedah kepustakaan ini, ia melibatkan rujukan dan pengumpulan data-data yang berkaitan dengan kajian dari al-Quran, al-Sunnah, kitab-kitab muktabar, jurnal ilmiah, serta kertas-kertas kerja seminar dan lain-lain. Metod kajian ini merujuk kepada penyelidikan perpustakaan yang merupakan maklumat utama di samping menilai aplikasi penghujahan *sadd al-dharā'i'* dan ciri-ciri serta elemen asas bagi *al-dharā'i'* sebagai komponen penting dalam ijtihad.

## PERKEMBANGAN SUMBER-SUMBER HUKUM DALAM IJTIHAD

Syariat Islam terbina berdasarkan beberapa sumber. Sumber-sumber hukum ini terbahagi kepada beberapa peringkat atau bahagian iaitu sumber hukum pada zaman Rasulullah SAW dan sumber hukum selepas

---

<sup>1</sup> Iaitu suatu proses mengerah sepenuh usaha dan tenaga untuk mengistinbat hukum-hukum Syarak. Lihat Muhammad Ibrahim al-Hafnāwiyy, *Tabṣirāt al-Nujaba' bi Taḥqīq al-Ijtihād wa al-Taqlīd wa al-Talfīq wa al-Iftā'*, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1415H/1995), 37.

kewafatan Rasulullah SAW. Ini adalah kerana selepas kewafatan Rasulullah SAW, berlaku beberapa perkembangan yang membawa kepada perbezaan methodologi para ulama dalam menentukannya. Ada antaranya yang disepakati dan ada pula yang tidak disepakati penerimaannya sebagai sumber hukum.

### **Sumber Hukum Pada Zaman Rasulullah SAW**

Pada zaman Rasulullah SAW, syariat Islam dibina berdasarkan wahyu<sup>2</sup> Ilahi, sama ada berbentuk al-Quran atau al-Sunnah. Walaupun berlaku ijtihad daripada Rasulullah SAW dan sebahagian sahabat, namun ijtihad tersebut tidak dikira sebagai sumber hukum yang tersendiri. Ini kerana keseluruhan ijtihad tersebut adalah kembali kepada wahyu. Ia boleh dilihat melalui proses ijtihad itu sendiri yang sekiranya ijtihad Rasulullah SAW itu betul, maka ia akan diakui oleh Allah SWT dan jika sebaliknya akan diterangkan kebenarannya. Begitu juga ijtihad para sahabat yang akhirnya akan merujuk kepada Rasulullah SAW lalu dijawab dan ia dengan sendiri menjadi al-Sunnah. Oleh itu sumber syariat ketika itu hanya berasaskan wahyu Ilahi.

### **Sumber Hukum Selepas Kewafatan Rasulullah SAW**

Selepas kewafatan Rasulullah SAW pada tahun 11 Hijrah, Islam tersebar secara meluas. Ia bermula dengan pemerintahan *al-khulafā al-rāshidūn* seterusnya para *tabi'īn*. Pada masa ini agama Islam telah diterima melangkaui Semenanjung Tanah Arab. Banyak negeri-negeri baru yang telah dibuka di bawah pemerintahan Islam. Perkembangan ini menyebabkan para sahabat RA dan *tabi'īn* menghadapi permasalahan-permasalahan baru. Ia meliputi adat setempat, budaya, dan bentuk kehidupan negeri yang baru dibuka itu.

---

<sup>2</sup> Wahyu pada bahasa bermaksud isyarat, pembukuan, perutusan, ilham, percakapan yang tersembunyi dan tiap-tiap sesuatu yang dikemukakan kepada seseorang untuk mengajarnya. Lihat Jamāl al-Dīn Muḥammad Ibn Mukram Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, (al-Dār al-Misriyyah li al-Ta'lif wa al-Turjumah, t.tp.: al-Dār al-Miṣriyyah li al-Ta'lif wa al-Turjumah, t.th), 20: 257.

Fenomena ini telah mendesak kepada suatu perubahan dalam bidang fiqh dan cara berfatwa. Sejalan dengan itu, ijtihad mula berperanan di kalangan para sahabat RA dan ulama *tabi'īn* sebagai salah satu cara untuk mengeluarkan hukum. Keperluan kepadanya sangat dirasakan, ini kerana al-Quran sebagai undang-undang dasar yang *kulliyy*, hanya membincangkan pokok undang-undang yang umum dan amat sedikit yang menyentuh perkara-perkara *juz'iyy* secara terperinci. Ijtihad menjadi sumber yang amat penting dalam fiqh selepas itu. Peranan ijtihad mula meluas pada zaman *tabi'īn* sehingga menimbulkan berbagai-bagai pandangan dalam sesuatu masalah fiqh. Justeru, susunan sumber hukum pada zaman ini bertambah dari hanya al-Quran dan al-Sunnah kepada *al-Ijmā'*<sup>3</sup> dan *al-Ra'y*. Melalui sumber hukum *al-Ra'y* pada peringkat ini, muncul *Qiyās*,<sup>4</sup> *al-Istihsān*,<sup>5</sup> *al-Istiṣhāb*,<sup>6</sup> *Sadd al-Dharā'i'* dan lain-lain lagi sebagai sumber dalam berijtihad atau mengistinbat hukum.

Dalam menentukan sesuatu hukum, pelbagai kaedah atau asas digunakan oleh ulama. Sebahagian asas tersebut disepakati penerimaannya di kalangan ulama. Sementara sebahagian yang lain menjadi perselisihan di kalangan mereka. *sadd al-dharā'i'* adalah salah

---

<sup>3</sup> *Al-Ijmā'* pada bahasa bermaksud keazaman atau kesepakatan, manakala pada istilah pula bermaksud kesepakatan segolongan pakar atau mujtahid dari kalangan umat Islam dalam sesuatu perkara selepas kewafatan Rasulullah SAW. Lihat, Muḥammad Ibn 'Alī Ibn Muḥammad al-Shawkāniyy, *Irshād al-fuḥul*, (Mesir: Idārah al-Muniriyyah, t.th.), 63.

<sup>4</sup> *Al-Qiyās* pada bahasa bermaksud mengukur dan menyamakan, manakala pada istilah ahli usul bermaksud menthabatkan suatu hukum yang diketahui ada nass dengan suatu hukum yang lain yang tiada nas kerana berlaku persamaan pada *'Illah* hukum di sisi mujtahid. Lihat Jamāluddin 'Abd al-Rahīm Ibn al-Hasan al-Isnawiy, *Nihāyat al-Sūl fī Sharḥ Minhāj al-Wuṣūl*, (Kaherah: Matba'at al-Salafiyyah, 1345H), 4: 2.

<sup>5</sup> *Al-Istihsān* pada bahasa bermaksud memandang sesuatu baik dan bagus, manakala pada istilah pula ditakrifkan pengenehan sesuatu hukum yang mempunyai dalil atas sesuatu perkara dengan mengambil hukum lain yang lebih kukuh dan lebih kuat daripada hukum pertama, berasaskan dalil syarak yang membolehkan tindakan sedemikian. Lihat 'Abd al-Wahhāb Khallāf, *Ilm Uṣūl al-Fiqh*, (t.tp: al-Dar al-Kuwaitiyyah, 1968/1388H), 79.

<sup>6</sup> *Al-Istiṣhāb* pada bahasa bermaksud melazimi sesuatu manakala pada istilah bermaksud mengekalkan sesuatu hukum yang telah ada pada masa lalu kepada masa seterusnya. Lihat Jamāluddin 'Abd al-Rahīm Ibn al-Hasan al-Isnawiy, *Nihāyat al-Sūl fī Sharḥ Minhāj al-Wuṣūl*, 4: 358.

satu daripada asas yang diperselisihkan tersebut. Hasil daripada perselisihan para ulama ini telah memberi kesan terhadap hukum fiqh mazhab umat Islam. Justeru itu, pengetahuan berkenaan *ḍawābit* atau ciri-ciri dan elemen asas bagi *al-dharā'īc* itu sendiri amat penting bagi memastikan ketepatan dalam proses pelaksanaan ijtihad dan pengeluaran fatwa.

## **DEFINISI SADD DAN SADD AL-DHARĀ'Ī'**

*Sadd al-dharā'īc* terdiri dari gandingan dua perkataan yang berasingan iaitu *sadd* dan *al-dharā'īc*. Ia disatukan untuk mewujudkan satu makna khusus. Oleh itu, untuk mengetahui maksud *sadd al-dharā'īc* secara tepat perlulah didefinisikan dahulu kedua-dua perkataan tersebut secara berasingan. Kemudian disusuli definisi secara bergandingan.

### **Definisi Sadd**

Perkataan *sadd* dari segi etimologi, adalah membawa makna *al-radm* yang bermaksud tutup.<sup>7</sup> Manakala dari segi terminologi, ia juga turut memberi makna menutup.

### **Definisi *al-Dharā'īc***

*Al-dharā'īc* dari sudut bahasa ialah kata jamak bagi *al-dharī'ah*. Ia mempunyai beberapa makna yang berbeza, namun maksud yang dikehendaki dalam tajuk perbincangan ini ialah tiap-tiap sesuatu perantaraan atau jalan<sup>8</sup> yang membawa ke arah suatu perkara atau suatu penghubung yang menghubungkannya dengan sesuatu.

Pada istilah ahli usul *al-fiqh* pula, para ulama memberi pelbagai pengertian yang berbeza terhadap perkataan *al-dharī'ah*. Situasi ini berlaku berdasarkan pemahaman mereka yang berbeza terhadap gandingan perkataan *al-sadd* dan perkataan *al-dharā'īc*. Bagi mereka yang melihat perkataan *al-dhar* bermakna “penghubung” dalam bentuk yang umum dan luas, yang boleh berlaku sama ada terhadap perkara

---

<sup>7</sup> Jamāl al-Dīn Muḥammad Ibn Mukram Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, 4: 190.

<sup>8</sup> *Ibid.*, 8: 96.

yang disyariatkan (diperintah) atau yang dilarang, maka mereka mengeneppikan perkataan *al-sadd* (menutup) sebagai judul perbincangan mereka. Manakala mereka yang melihat maksud "penghubung" itu hanya digunakan khusus pada perkara yang dilarang dan tidak pada perkara yang disuruh, maka mereka akan mengekalkan perkataan tersebut (*sadd*) dalam perbincangan mereka.

Oleh itu, dalam mendefinisikan perkataan *al-dharī'ah*, para ulama berselisih pendapat untuk memberi maksud yang tepat bagi perkataan ini. Perselisihan tersebut boleh disimpulkan seperti berikut:

- i. Golongan yang berpendapat *al-dharī'ah* ialah suatu yang menjadi perantara kepada sesuatu sama ada ke arah perkara yang diharamkan atau dihalalkan. Pendapat ini dipelopori oleh al-Imam Ibn Qayyim<sup>9</sup> dan al-Qarāfiyy.<sup>10</sup> Semasa membahaskan tajuk ini al-Qarāfiyy mentakrifkannya sebagai:

الذريعة هي الوسيلة للشيء<sup>11</sup>

Maksudnya: “*Al-dharī'ah* itu ialah setiap jalan (perantara) kepada sesuatu.”

- ii. Golongan ini berpendapat ia merupakan suatu perkara yang hukum asalnya harus tetapi menjadi penghubung atau perantara ke arah perkara yang dilarang. Pendapat ini diutarakan oleh al-

---

<sup>9</sup> Muḥammad Ibn Abī Bakr Ibn Qayyim, *I'lām al-Muwaqqi'īn 'an Rabb al-'Alamīn*, (Kaherah: Maktabat al-Kulliyat al-Azhariyyah, 1968/1388H), 3: 135.

<sup>10</sup> Shihāb al-Dīn Abū al-'Abbas Aḥmad Ibn Idrīs Ibn 'Abd al-Rahman al-Qarāfiyy, *Sharḥ Tanqīḥ al-Fuṣūl fī Ikhtisār al-Maḥṣūl fī al-Uṣūl*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1393H/1973), 448.

<sup>11</sup> *Ibid.*

Imām al-Shāṭibiyy,<sup>12</sup> al-Bājiyy,<sup>13</sup> al-Qurtubiyy,<sup>14</sup> Ibn Rushd<sup>15</sup> dan lain-lain. Ini dibuktikan dengan kata-kata Ibn Rushd:

هي الأشياء التي ظاهرها الإباحة ويتوصل بها إلى فعل محظور<sup>16</sup>

Maksudnya: “*Al-dharī'ah* ialah setiap perkara yang zahirnya harus dan dalam masa yang sama ia membawa kepada perbuatan yang ditegah.”

- iii. Pendapat ini dinyatakan oleh Shaykh al-Islām Ibn Taymiyyah dalam kitabnya seperti berikut:

الذريعة ما كان وسيلة وطريقا إلى الشيء لكنها صارت في عرف

الفقهاء عبارة عما أفضت إلى فعل محظور<sup>17</sup>

Maksudnya: “*Al-dharī'ah* adalah penghubung atau jalan ke arah sesuatu perkara, tetapi ia lebih dikenali pada *urf* para fuqaha sebagai sesuatu yang membawa ke arah perkara haram.”

Setelah melihat kepada perbincangan ulama semasa mendefinisikan perkataan *al-dharī'ah* dari sudut istilah dapat dirumuskan di sini bahawa definisi yang paling tepat bagi perkataan itu ialah sesuatu yang pada asalnya adalah harus, tetapi atas sebab dan faktor yang kuat ia boleh membawa kepada perkara yang dilarang. Definisi ini

---

<sup>12</sup> Ibrāhīm Ibn Mūsa al-Shāṭibiyy, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2001/1422H), 4: 143.

<sup>13</sup> Sulaymān Ibn Khalaf al-Bājiyy, *Iḥkām al-Fuṣūl fī Aḥkām al-Uṣūl*, (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmiyy, 1407H/1986), 690.

<sup>14</sup> Abū 'Abd Allah Muḥammad Ibn Aḥmad al-Anṣāriyy al-Qurtubiyy, *al-Jāmi' li aḥkām al-Qur'an*, (Kaherah: Dār al-Kātib al-'Arabiyy, 1387H/1967), 2: 57.

<sup>15</sup> Abu al-Walīd Muḥammad Ibn Aḥmad al-Qurtubiyy Ibn Rushd, *al-Muqaddimāt al-Mumahhidāt li al-Bayān mā 'a l'itaqad al-Mudāwanah min Aḥkām al-Sharī'iyah wa al-Taḥṣīlat al-Muhkamāt li Ummahāt Masa'ilih al-Mushkilāt*, (Beirut: Dār al-Gharbiyy al-Islāmiyy, 1988), 2: 39.

<sup>16</sup> *Ibid.*

<sup>17</sup> Ahmad Ibn 'Abd. al-Halīm Ibn Taymiyyah, *Majmū' min al-Fatāwa al-Kubrā*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1414H/1993), 4: 289.

dilihat tepat apabila ia disandarkan kepada perkataan *sadd* yang bererti "menutup".

Oleh itu apabila ditakrifkan secara bergandingan perkataan *sadd* dan *al-dharā'i'*, maka ia membawa maksud menutup atau menghalang melakukan sesuatu perkara yang pada asalnya adalah harus tetapi dengan sebab, faktor dan sangkaan yang kuat ia boleh membawa kepada sesuatu yang dilarang. Dengan kata lain: ijtihad yang berasaskan *sadd al-dharā'i'* adalah suatu proses ijtihad yang mengharamkan *wasīlah* (penghubung) yang membawa kepada mafsadah.

### **CIRI-CIRI DAN ELEMEN ASAS AL-DHAR BERDASARKAN KOMPONEN ASAS AL-DHARA'I'**

Komponen asas atau boleh disebut sebagai rukun *al-dhar* ini diambil berdasarkan takrifnya yang terdahulu iaitu suatu perbuatan yang pada zahirnya harus tetapi dengan sangkaan yang kuat ia membawa kepada perbuatan yang ditegah. *Al-dhar* mempunyai tiga komponen asas, iaitu seperti berikut:<sup>18</sup>

- i. *Al-Wasīlah* iaitu tindakan yang pada zahirnya harus tetapi menjadi penghubung kepada haram.
- ii. *Al-Ifda'* iaitu kuat sangkaan untuk menjadi penyebab kepada perbuatan yang haram.
- iii. *Al-Mutawasal ilayh* iaitu perbuatan haram yang merupakan kesan atau hasilnya.

---

<sup>18</sup> Mohd Hishām al-Burhāniyy, *Sadd al-Dharā'i' fī al-Sharī'at al-Islāmiyyah*, (Dimashq: Dār al-Fīkr, 1406H/ 1985), 102; Muhammad Sa'īd Shahatah Mansūr, *al-Adillah al-'Aqliyyah wa 'Alaqtuha bi al-Naqliyyah 'ind al-Usuliyyīn*, (al-Khartum: Dār al-Sudaniyyat li al-Kutub, 1420H/1999), 289.



## **Ciri-ciri dan Elemen Asas bagi Komponen *al-Wasīlah***

Ia merupakan rukun asas bagi *al-dhar* kerana rukun kedua dan ketiga bergantung kepada kewujudannya. Perbuatan yang pada zahirnya harus ini merujuk kepada beberapa perkara seperti berikut:

- i. Tindakan tersebut kadang-kala dilakukan untuk tujuan yang lain dan bukan tujuan asal tindakan tersebut seperti seorang yang menjual sesuatu barang pada harga seratus ringgit secara bertanggung kemudian membelinya pada harga lapan puluh ringgit secara tunai. Akad pada penjualan ini pada asalnya adalah harus namun bertukar sebaliknya apabila dia seolah-olah meminjam lapan puluh ringgit tunai dan dibayar secara tanggung sebanyak seratus ringgit. Manakala, barang yang menjadi tukaran dalam akad tersebut seolah-olah tidak wujud dan bukan sebagai matlamat dalam akad ini apabila ia dikembalikan kepada tuannya. Maka keadaan ini disebut sebagai ‘*‘ayn riba*’ (punca riba) yang diharamkan. Oleh itu, tindakan jual kemudian beli ini bukan dilakukan untuk tujuan asal akad tetapi merupakan penghubung yang jelas membawa kepada tergelongnya ia dalam sesuatu yang haram.
- ii. Tindakan tersebut kadang-kala dilakukan untuk tujuan asalnya tetapi tanpa disedari ia membawa kepada sesuatu yang ditegah. Maka ia juga dikira sebagai penghubung atau *al-wasīlah* kepada perbuatan yang ditegah itu. Seperti tindakan seseorang menghina dan mencaci berhala mushrikin demi kerana cinta kepada Allah dan kebenaran serta marah kepada orang kafir, tanpa berniat untuk menyebabkan mereka memaki Allah SWT Lalu para musyrikin mencaci Allah SWT sebagai balasan. Meskipun orang muslim tersebut tidak menyangka tentang kesudahan yang akan berlaku, tetapi perbuatan tersebut tetap dilarang kerana ia dianggap sebagai jalan ke arahnya.

## Ciri-ciri dan Elemen Asas bagi Komponen *al-Ifda'*

Ia merupakan elemen penting yang disebut sebagai penyebab, yang membawa kepada sesuatu yang haram dengan asas yang kuat. Elemen inilah yang menghubungkan antara dua rukun *al-dhari'ah* lain, iaitu *al-wasīlah* dan *al-mutawassal ilayh*. Ciri-cirinya boleh dilihat dari dua aspek seperti berikut:

- i. Ia adalah suatu perkara *ma'nawiyy* (tidak dapat dilihat) yang wujud sama ada setelah ia benar-benar menyebabkan suatu kejadian berlaku dengan terhasilnya *al-mutawassal ilayh* seperti berlaku zina setelah melihat kepada wanita bukan mahram dan bersembang dengannya secara berlebihan, atau hanya melalui jangkauan iaitu yang hanya dijangka menjadi penyebab suatu kejadian dan bukan secara pasti. Bagi bentuk yang kewujudannya melalui jangkauan, terdapat beberapa gambaran:
  - a) Pelaku berniat dengan suatu perlakuan (*al-wasīlah*), untuk sampai kepada kesudahan (*al-mutawassal ilayh*) yang lain melalui jalan yang ada. Seperti seorang yang berakad nikah dengan wanita kerana berniat untuk menjadikannya halal bagi suami pertama (nikah *al-muhalil*) atau seorang yang menggali lubang di belakang pintu rumahnya agar setiap yang masuk akan jatuh ke dalamnya.
  - b) Pelaku tidak bermaksud menggunakan perlakuan (*al-wasīlah*) itu untuk sampai kepada kesudahan (*al-mutawassal ilayh*) yang tidak elok, tetapi dari segi adatnya ia merupakan jalan atau penyebab ke arah kesudahan tersebut. Seperti seorang yang menjual dua barangan dengan harga dua ratus ringgit bagi tempoh satu bulan, kemudian dia membeli salah satu barangan tersebut dengan seratus ringgit secara tunai. Jadi kita menganggapnya sengaja mencampurkan jualan dan

tanggungan dalam satu masa, walaupun dia tidak berniat melakukannya.<sup>19</sup>

- c) Pelaku tidak bermaksud menggunakan perlakuan itu untuk sampai kepada kesudahan yang buruk. Tetapi, ia dengan sendirinya menjadi faktor oleh pihak lain untuk menyampaikannya kepada kesudahan itu. Seperti perbuatan mencerca berhala orang musyrikin. Ini boleh menyebabkan orang-orang musyrikin mencerca Allah SWT atau Nabi SAW. Justeru perbuatan tersebut dilarang sungguhpun pelaku itu tidak bermaksud untuk mendapat ceraan daripada musyrikin.
  - d) Pelaku atau mana-mana orang lain tidak bermaksud menggunakan perlakuan itu untuk sampai kepada kesudahan yang buruk, tetapi ia secara semulajadinya menyebabkan kesudahan itu berlaku. Maka asas yang digunakan di sini adalah sangkaan atau jangkaan untuk menghukumkan ia harus atau sebaliknya. Seperti seorang yang menyembur racun untuk membunuh serangga pada sayuran atau buah-buahan. Tujuan perbuatan ini diharuskan kepada pelaku untuk melakukannya. Tetapi ia dilarang kerana dijangka boleh membawa kematian orang lain disebabkan keracunan. Sekiranya jangkaan seperti itu tidak wujud, maka hukum bagi jalan tersebut ialah harus.
- ii. Kebolehannya untuk mencapai kekuatan tertentu sehingga ia boleh dijadikan sandaran (sebagai penyebab) kepada pembinaan sesuatu hukum larangan. Kekuatan tersebut boleh ditentukan melalui bilangannya yang banyak atau kadar bahaya yang terlalu tinggi yang terdapat padanya. Oleh itu dapat difahami di sini penilaian untuk sesuatu itu menjadi *al-ifda'* bukan hanya semata-mata ia merupakan suatu jangkaan tetapi ia hendaklah mempunyai kekuatan untuk dithabitkan hukum larangan.

---

<sup>19</sup> Abu al-Walīd Muḥammad Ibn Aḥmad al-Qurtubiyy Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtasid*, (Beirut: Dār al-Kutub 'Ilmiyyah, 1416H/1996), 4: 522.

## Ciri-ciri dan Elemen Asas bagi Komponen *al-Mutawasal Ilayh*

Ia adalah perbuatan haram yang merupakan kesan atau hasil dari tindakan pada rukun pertama. Berdasarkan rukun ini dapat dilihat beberapa ciri seperti berikut:

- i. Ia merupakan perkara yang dilarang dan hendaklah berbentuk perkara yang mampu dilakukan oleh seorang mukallaf dan bukan sesuatu yang mustahil berlaku.
- ii. Kesan atau hasil tindakan itu merupakan *mafsadah* atau bahaya. Ini kerana ia merupakan asas penting kepada penentuan kuat atau lemahnya *al-ifda'*. Justeru bukan hanya kadar yang banyak yang menjadi asas penentuan kepada kekuatan itu. Tetapi bahaya serta kedudukannya sebagai satu *mafsadah* turut memainkan peranan penting dalam pengklasifikasian kekuatannya. Dalam keadaan ini ia turut meraikan perinsip keutamaan dalam turutan *al-maqasid al-sharī'ah*<sup>20</sup> seperti kerosakan pada agama adalah lebih bahaya daripada nyawa, kerosakan pada nyawa lebih bahaya daripada akal dan pada akal lebih bahaya daripada harta, begitulah seterusnya.<sup>21</sup>

Dari sudut yang lain, kerosakan yang akan berlaku pada kelompok yang ramai dikira lebih bahaya daripada kelompok yang kecil. Kerosakan yang diniat serta disengajakan adalah lebih bahaya daripada yang tidak diniat atau tidak disengajakan. Oleh itu, dalam hal ini *sadd al-Dharā'i'* sangat dititik beratkan oleh para ulama dan mereka memberi tumpuan khusus terhadap penggunaannya dalam menyekat perkara-perkara yang boleh mendorong kepada sesuatu terlarang dari sudut

---

<sup>20</sup> Iaitu tujuan-tujuan pengsyariaan hukum Syarak yang merangkumi lima perkara iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Lihat Sa'īd Ramadan al-Buty, *Ḍawābiḥ al-Maṣlahah fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, (Beirut: Mua'ssah al-Risalah, 1402H/1987), 119.

<sup>24</sup> Yūsuf Hāmid al-'Alim, *al-Maqāṣid al-'Ammah li al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, (Al-Wilayah al-Muttahidah al-Amrīkiyyah: al-Ma'had al-Alamiyy li al-Fikr al-Islāmiyy, 1412H/1991), 161-165.

akidah dan agama. Ini boleh dilihat melalui penulisan mereka berkenaan dengan sihir, ajaran sesat, bid'ah, dan sebagainya.

## **PEMBAHAGIAN *AL-DHARĀĪ'* MENGIKUT IMAM AL-QARĀFIYY DAN IMAM AL-SHĀṬIBIYY**

### **Pembahagian *al-Dharāī'* menurut Imam al-Qarāfiyy**

Imam al-Qarāfiyy membahagikan *al-Dharī'ah* kepada tiga bahagian seperti berikut:<sup>22</sup>

i. Perbuatan yang *Ijmā'* menegahnya

Iaitu perbuatan yang sudah menjadi *Ijmā'* ummah supaya ditegah dan dilarang seperti tegahan menggali perigi (lubang) di jalan kaum muslimin, ia adalah suatu pengantara (*al-wasīlah*) yang membawa kepada kebinasaan mereka. Begitu juga memasukkan racun ke dalam makanan mereka, dan mencaci berhala oleh orang yang tahu keadaan tersebut menyebabkan Allah SWT dicaci maki pula.

ii. Perbuatan yang *Ijmā'* tidak ditegah

Ia bermaksud perbuatan ini tidak ditegah tanpa khilaf walaupun ia merupakan *al-Dharā'ī'*, seperti menanam pokok anggur, perbuatan tersebut tidak dilarang sekalipun ditakuti ia akan menjadi pengantara untuk diproses menjadi arak (*al-khamr*).

iii. Perbuatan yang menjadi khilaf

Iaitu perbuatan (*al-Dharā'ī'*) yang menjadi pertikaian di kalangan ulama sama ada ditegah atau sebaliknya seperti jual beli secara tangguh atau *buyu' al-ajal*.<sup>23</sup>

---

<sup>22</sup> Shihāb al-Dīn Abū al-'Abbas Aḥmad Ibn Idrīs Ibn 'Abd al-Rahman al-Qarāfiyy, *al-Furūq*, (Mekah: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, 1344H), 2: 32.

<sup>23</sup> Istilah ini hanya digunakan oleh para fuqaha' mazhab Mālikiyy. Manakala mazhab lain menamakannya sebagai *bay' al-īnah*. Maksud mereka daripada perkataan ini ialah jual-beli ke arah muamalah berbentuk riba, yakni jual-beli yang pada zahirnya kelihatan sah, tetapi membawa tohmahan ke arah perkara haram yang terselindung. Gambaran

## Pembahagian *al-Dharai'* menurut al-Shāṭibiyy

Imam al-Shāṭibiyy membahagikan *al-dharī'ah* kepada empat bahagian. Seterusnya beliau memberikan hukum bagi tiap-tiap bahagian itu:<sup>24</sup>

i. Perbuatan Secara *Qaṭ'iyy* (pasti) Mendatangkan *Mafsadah*<sup>25</sup>

Ia bermaksud perbuatan *mukallaf* yang diyakini pasti akan membawa kepada *mafsadah* dan kerosakan, seperti menggali perigi atau lubang di belakang pintu rumah yang gelap, di mana sekiranya ada orang yang masuk ke rumah itu pasti akan terjatuh ke dalam perigi atau lubang tersebut. Perbuatan ini dan seumpamanya adalah dilarang kerana *mafsadah* yang hasil darinya adalah sesuatu yang pasti.

ii. Perbuatan Secara *nadir* (jarang) Mendatangkan *Mafsadah*

Seperti menggali perigi di tempat yang pada kebiasaannya tidak akan menyebabkan orang terjatuh ke dalamnya. Ia kekal berada dalam konteks perbuatan yang diharuskan. Ini kerana kemanfaatan yang diperolehi dari perbuatan itu lebih besar dari kemudharatan yang mungkin terjadi sebagai akibat sampingan dari perbuatan tersebut.

iii. Perbuatan Dengan Anggapan Kuat (*ghalabat al-zann*)<sup>26</sup> Mendatangkan *Mafsadah*

Seperti menjual buah anggur kepada pembuat arak (*al-khamr*). Dalam keadaan ini sangkaan yang kuat disamakan dengan suatu keyakinan.

---

jual beli seperti ini banyak dan antaranya ialah, *bay' al-īnah*, *al-salaf*, *al-qard* dan lain-lain. Lihat Nazyah Hammād, *Muḥjam al-Muṣṭalahāt al-Iqtisādiyyah fī Lughat al-Fuqahā'*, (Riyadh: al-Dār al-Ālamiyyah li al-Kitāb al-Islāmiyy, 1415H/1995), 103.

<sup>24</sup> Ibrāhīm Ibn Mūsā al-Shāṭibiyy, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Shar'iah*, 2: 264.

<sup>25</sup> *Mafsadah* merupakan sesuatu yang membawa kepada kemudharatan atau sesuatu yang berlawanan dengan *maslahah*. Lihat Saḍī Abu Jayb, *al-Qāmūs al-Fiqhiyy Lughatan wa Iṣṭilāḥan*, (Dimashq: Dar al-Fikr, 1419H/1998), 286.

<sup>26</sup> *Zann*: Maklumat atau pengetahuan yang hampir kepada yakin. Iaitu dalam erti kata lain ia adalah kepercayaan atau pengetahuan yang lebih jelas walaupun masih terdapat kemungkinan sebaliknya. Lihat *al-Muḥjam al-Wasīf*, (Istānbul: Dār al-Da'wah, 1392H/1972), 578; Muhammad Rawwas Qal'ahji, *Muḥjam Lughāt al-Fuqahā'*, (Beirut: Dār al-Nafā'is, 1416H/1996), 267.

Oleh itu penjualan buah anggur tersebut adalah dikira haram berdasarkan pandangan ulama Malikiyyah dan Hanbaliyyah serta mengharuskan muamalah seperti ini adalah sama keadaannya dengan tolong-menolong dalam perkara dosa atau pelanggaran hukum.<sup>27</sup>

iv. Perbuatan Disyaki Membawa Mafsadah

Iaitu perbuatan yang pada kebanyakannya membawa kepada *mafsadah* tetapi tidak sampai ke peringkat sangkaan yang kuat apalagi ke peringkat yakin seperti jual beli secara tangguh (*buyū' al-ajal*). Ia boleh membawa kepada *mafsadah* iaitu riba, namun sangkaan ini tidak sampai ke tahap suatu keyakinan. Para ulama berselisih pendapat dalam persoalan ini. Adakah jual beli ini dikira sebagai *al-dharī'ah* yang membawa *mafsadah* sehingga *ʿaqd (taṣarruf)* atau transaksi itu batal, dan perbuatan itu haram atau pun ia tidak batal dengan berpegang kepada hukum asal, iaitu perbuatan jual beli yang diizinkan oleh Syarak.

## ANALISIS TERHADAP PEMBAHAGIAN *AL-DHARĀ'Ī'* MENURUT IMAM AL-QARĀFIYY DAN IMAM AL-SHĀṬIBIYY

Para ulama berbeza pandangan dan mempunyai cara tersendiri dalam membuat pembahagian *al-dharā'ī'*. Perbezaan pembahagian ini berdasarkan kepada penelitian mereka terhadap hukum, tahap kemudharatan dan akibat yang akan berlaku daripada perbuatan *al-dharā'ī'* itu. Jesteru, ciri-ciri dan elemen asas bagi *al-dharā'ī'* juga adalah mengikut kepada pembahagian tersebut. Artikel ini hanya membawa pembahagian yang dibuat oleh Imam al-Qarāfiyy dan al-Shāṭibiyy di mana al-Qarāfiyy membahagikannya berdasarkan hukum sesuatu *al-Dharā'ī'*. Sementara al-Shāṭibiyy membahagikannya melihat dari sudut tahap kemudharatan dan akibatnya.

Imam al-Qarāfiyy dilihat cuba membahagikannya *al-Dharā'ī'* berdasarkan hukum sesuatu *al-wasīlah* itu di sisi fuqaha', iaitu berdasarkan *al-wasīlah* itu diputuskan hukumnya dari sudut fiqah di sisi fuqaha'. Justeru itu, pembahagian yang dibuat oleh imam al-Qarāfiyy

---

<sup>27</sup> Ibn Qudāmah al-Maqdisiyy, *al-Mughniyy wa al-Sharḥ al-Kabīr*, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1416/1996), 5: 303-304.

meletakkan kedudukan *al-wasīlah* itu samada ia sebagai suatu yang diijma'kan atau dikhilafkan di sisi fuqaha'.

Manakala imam al-Shāṭibiyy dilihat agak kritis semasa membahagikan *al-Dharā'i'* dengan meletakkan pembahagian tersebut dari sudut sejauh mana tahap kuat atau lemah sesuatu *al-wasīlah* dari sudut kemudharatan dan mafsadahnyanya akan membawa kepada *al-Mutawasal Ilayh*, kuat atau lemah itu pula hendaklah disokong oleh *al-Ifda'*.

Oleh itu, kesan dan akibat sesuatu *al-wasīlah* bagi sesuatu perbuatan itu, samada kuat atau lemah yang akan menjadi penentu hukum harus atau *al-dhar* kepada haram adalah diukur dengan melihat kekuatan *al-Ifda'*. Jika sokongan *al-Ifda'* adalah lemah, maka ketika inilah hukum fiqah yang terhasil akan menjadi khilaf di kalangan fuqaha. Ini juga boleh dilihat pada pembahagian terakhir imam al-Syāṭibiyy iaitu pada perbuatan yang berstatus sangkaan *al-ẓan* atau *al-syak* akan membawa kepada mafsadah. Sementara imam al-Qarāfiyy meletakkan pada perbuatan yang menjadi khilaf fuqaha' dikira *al-dhar* atau tidak.

Jika diamati secara mendalam, pembahagian yang dibuat oleh imam al-Shatibiyy ini agak memberi cabaran kepada seseorang mujtahid atau mufti, di mana ia menuntut penekanan khusus kepada daya intelek istinbat fiqah, kemampuan mereka mengukur dan menilai sesuatu *al-wasīlah* itu untuk dihukumkan sebagai *al-dhar* kepada haram.

## KESIMPULAN

Melalui perbincangan yang lalu, jelas di sini bahawa memahami dan menguasai ciri-ciri dan elemen asas bagi *al-dharā'i'* adalah suatu yang penting kerana ia menjadi kunci utama semasa melakukan ijtihad bersumberkan *sadd al-dharā'i'*. Penggunaan *sadd al-dharā'i'* di dalam ijtihad tidak lari dari asas-asas kaedah yang umum yang menyeru kepada penjagaan masalah dunia dan akhirat serta mencegah dari kemudharatan dan kerosakan. Kepentingan penggunaan akal dan daya intelek berpandukan *nass* dalam mengistinbat hukum amat dirasakan perlu terutama di zaman mutakhir ini, kerana terdapat di sana ruang-ruang tertentu yang memerlukan pendetailan hukum yang tidak disentuh



secara jelas dan terperinci oleh nas-nas al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu penghasilan hukum melalui proses ijtihad yang menggunakan *sadd al-dharā'ī* tidak seharusnya di pandang ringan dan bukannya bersumberkan kehendak nafsu atau kejahilan, kerana ijtihad bukannya berperanan menaja hukum baru yang asing dari kehendak al-Quran dan al-Sunnah. Tidak menerima *sadd al-dharā'ī* sebagai sumber ijtihad merupakan suatu kerugian kerana akan berlaku banyak kebekuan terhadap sumber-sumber rujukan perundangan Islam.

## RUJUKAN

- Al-Bājiyy, Sulaymān Ibn Khalaf. *Ihkām al-Fuṣūl fī Ahkām al-Uṣūl*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmiyy, 1407H/1986.
- Al-Burhāniyy, Muhammad Hishām. *Sadd al-Dharā'ī fī al-Sharī'at al-Islāmiyyah*. Dimashq: Dār al-Fikr, 1406H/1985.
- Al-Buty, Sa'īd Ramaḍan. *Dawābiṭ al-Maṣlaḥah fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*. Cetakan Ke-6. Beirut: Mua'ssarah al-Risālah, 1402H/1987.
- Al-Hafnāwiyy, Muhammad Ibrāhīm. *Tabṣīrāt al-Nujabā' bi Taḥqīq al-Ijtihād wa al-Taqlīd wa al-Talfīq wa al-Iftā'*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1415H/1995.
- Al-Isnawiyy, Jamāl al-Dīn 'Abd al-Rahīm Ibn al-Hasan. *Nihāyat al-sūl fī sharḥ minhāj al-wuṣūl*. 4 Jilid. Kaherah: Maṭba'at al-Salafiyyah, 1345H.
- Al-Maqdisiyy, Ibn Qudāmah. *Al-Mughniyy wa al-Sharḥ al-Kabīr*. 16 Jilid. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1416/1996.
- Al-Mu'jam al-Wasīṭ*. Istānbūl: Dār al-Da'wah, 1392H/1972.
- Al-Qarāfiyy, Shihāb al-Dīn Abū al-'Abbas Aḥmad Ibn Idrīs Ibn 'Abd al-Rahman. 2 Jilid. *Sharḥ Tanqīḥ al-Fuṣūl fī Ikhtisār al-Maḥṣūl fī al-Uṣūl*. Beirut: Dār al-Fikr, 1393H/1973.
- Al-Qarāfiyy, Shihāb al-Dīn Abū al-'Abbas Aḥmad Ibn Idrīs Ibn 'Abd al-Rahman. *Al-Furūq*. 4 Jilid. Mekah: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, 1344H.
- Al-Qurṭubiyy, Abū 'Abd Allah Muḥammad Ibn Aḥmad al-Anṣāriyy. *Al-Jāmi' li Ahkām al-Quran*. 20 Jilid. Kaherah: Dār al-Kātib al-'Arabiyy li al-Ṭibā'ah wa al-Nashar, 1387H/1967.
- Al-Shāṭibiyy, Ibrāhīm Ibn Mūsa. *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*. 4 Jilid. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1422H/2001.

- Al-Shawkāniyy, Muḥammad Ibn ‘Alī Ibn Muḥammad. *Irsyād al-fuḥul*. Mesir: Idarah al-Munīriyyah, t.th.
- ‘Abd al-Wahhāb Khallāf. *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh al-Islāmiyy*. Kaherah: Maktabah Dār al-Thurāth, t.th.
- ‘Abd al-Wahhāb Khallāf. *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh*. t.tp: al-Dar al-Kuwaitiyyah, 1968/1388H.
- Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad Ibn Mukram. *Lisān al-‘Arab*. Jilid 20 Jilid. t.tp.: al-Dār al-Miṣriyyah li al-Ta’līf wa al-Turjumah. t.th.
- Ibn Qayyim, Muḥammad Ibn Abī Bakr. *‘Ilām al-Muwaqqi’īn ‘an Rabb al-‘Alamīn*. 4 Jilid. Kaherah: Maktabat al-Kulliyyat al-Azhariyyah, 1388H/1968.
- Ibn Rushd, Abū al-Walīd Muḥammad ibn Aḥmad al-Qurtūbiyy. *Al-Muqaddimāt al-Mumahhidāt li al-Bayān ma’a Iṭṭiqad al-Mudāwanah min Aḥkām al-Shar’iyyah wa al-Taḥṣīlat al-Muhkamāt li Ummahāt Masa’iliha al-Mushkilāt*. 2 Jilid. Beirut: Dār al-Gharbiyy al-Islāmiyy, 1988.
- Ibn Rushd, Abū al-Walīd Muḥammad Ibn Aḥmad al-Qurtūbiyy. *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid*. 6 Jilid. Beirut: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, 1416H/1996.
- Ibn Taymiyyah, Aḥmad Ibn ‘Abd. al-Ḥalīm. *Majmū’ min al-Fatāwa al-Kubrā*. 6 Jilid. Beirut: Dār al-Fikr, 1414H/1993.
- Muḥammad Sa’īd Shahatah Maṣṣūr. *Al-Adillah al-‘Aqliyyah wa ‘Alāqatuhā bi al-Naqliyyah ‘ind al-Uṣūliyyīn*. al-Khartum: Dār al-Sudaniyyah li al-Kutub, 1420H/1999.
- Nazyah Hammād. *Mu’jam al-Muṣṭalahāt al-Iqtisadiyyah fī Lughat al-Fuqahā’*. Cetak ke-3. Riyadh: al-Dār al-‘Alamiyyah li al-Kitāb al-Islāmiyy, 1415H/1995.
- Qal’ahjiyy, Muhammad Rawwas. *Mu’jam Lughat al-Fuqahā’*. Beirut: Dār al-Nafā’is, 1416H/1996.
- Sa’dī Abu Jayb. *Al-Qāmūs al-Fiqhiyy Lughatan wa Iṣṭilāḥan*. Dimashq: Dar al-Fikr, 1419H/1998.
- Yūsuf Ḥāmid al-‘Alim. *Al-Maqāṣid al-‘Ammah li al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Al-Wilayah al-Muttahidah al-Amrīkiyyah: al-Maḥad al-‘Alamiyy li al-Fikr al-Islāmiyy, 1412H/1991.